

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH  
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

**TARIKH : 2 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10011**

**SOALAN:**

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah rancangan Kerajaan yang dilihat masih gagal dalam usaha membendung jenayah dadah dalam negara yang dilaporkan semakin meningkat pada tahun 2016 iaitu 30,844 orang berbanding tahun sebelumnya dan apakah pelan Kerajaan dalam melibatkan kerjasama masyarakat awam bagi membantu pihak berkuasa dalam menangani isu dadah seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara bebas dadah.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kerajaan memandang serius permasalahan dadah menerusi usaha-usaha pambanterasan secara berterusan. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Mac 2017 telah meluluskan Dasar Dadah Negara sebagai sumber rujukan dan panduan utama dalam usaha memerangi dadah bagi semua peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Dasar ini mempunyai 5 teras utama iaitu Teras Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Kerjasama Antarabangsa dan Teras Pengurangan Kemudaratan.**

**Trend penagihan dadah pada tahun 2016 melibatkan dadah jenis opiat, *Amphetamine Type Stimulant* (ATS) dan ganja. Rekod Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mendapati bahawa kebanyakan penagih yang dikesan berumur dalam lingkungan 20 hingga 39 tahun.**

**AADK telah melaksanakan Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) melibatkan aktiviti:**

- a) *Omnipresence***
- b) Ops Cegah**
- c) Ops Bersepadu / Sarang**
- d) Media**

- e) Ikon Antidadah
- f) *Community Empowerment*

PDH menggunakan pendekatan melalui agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti secara bersama dalam memerangi dadah bagi mengurangkan penawaran dan permintaan dadah. Pendekatan ini dilaksanakan secara berfokus melalui 3 strategi teras iaitu pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dan penguatkuasaan dadah.

Pendekatan ini dilaksanakan secara bersepadu melalui kerjasama beberapa buah agensi/Kementerian lain dengan menyasarkan sebanyak 178 buah kawasan berisiko tinggi dan sebagai langkah awal sebanyak 14 buah kawasan (sebuah kawasan bagi setiap negeri) telah terlibat pada tahun 2016. Pada tahun 2017, pendekatan ini diperluaskan lagi kepada 50 buah kawasan.

Pada masa yang sama, aktiviti lain seperti program-program khusus di bawah strategi pencegahan dadah terus dijalankan dengan lebih meluas seperti Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah melalui usaha sama atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dengan Kementerian / Jabatan / Agensi lain.

**AADK mempunyai objektif utama dalam memperkasakan penguatkuasaan terhadap permasalahan dadah di seluruh negara berdasarkan strategi dan objektif seperti berikut:**

- a) mengesan penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela;**
- b) mengesan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang tidak mematuhi syarat pengawasan di bawah seksyen 6(2) (a)-(f) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 serta mengurus, menyelia dan melaksanakan program OKP dengan lebih berkesan;**
- c) mengambil tindakan ke atas aduan awam yang berkaitan dengan aktiviti penyalahgunaan dadah; dan**
- d) meningkatkan tahap keselamatan di institusi dan komuniti.**